

CNS4499

R GB 09-03 00172 BA701

bah

Pindaan - Reaksi

KERAJAAN PUAS HATI RANG UNDANG-UNDANG DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan berpuas hati dengan undi yang menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat hari ini.

Pengundian itu menunjukkan sokongan semua pihak termasuk pembangkang kecuali Pas dan Semangat 46, kata beliau sambil tersenyum kepada pemberita sebaik sahaja keluar setelah persidangan dewan ditangguhkan.

Sebanyak 167 anggota menyokong manakala enam tidak mengundi terhadap rang undang-undang itu yang bertujuan menghadkan imuniti raja-raja di segi undang-undang. Tujuh anggota termasuk kesemua enam wakil Semangat 46 tidak hadir.

Perdana Menteri berkata sokongan besar itu mencerminkan perasaan rakyat dalam perkara itu.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berkata PAS merupakan sebagai "parti Islam yang setengah masak" kerana tindakan anggota Parlimennya tidak mengundi pada persidangan khas hari ini.

Katanya, parti itu yang mendakwa memperjuangkan Islam tidak sanggup mengundi menyokong rang undang-undang itu bersekali dengan pengubahsuaianya semata-mata kerana menurut kehendak Sultan Kelantan. -- Lagi.

▼09/03/19-30MST

CNS4502

R GB 09-03 00134 BA702

bah

Pindaan - Reaksi 2 Kuala Lumpur

"Dalam hati dia nak bersetuju tetapi kerana Sultan dia tidak bersetuju, dia ikut Sultan," katanya.

Mengenai sokongan DAP, Ghafar berkata, tindakan parti itu adalah baik tetapi mereka sepatutnya menyokong rang undang-undang berkenaan sejak persidangan khas yang pertama lagi bukannya menggunakan alasan bahawa persetujuan Majlis Raja-raja diperlukan terlebih dahulu.

Katanya, kerajaan telah menangani masalah itu dengan cara terbaik iaitu membentangkan rang undang-undang berkenaan di Parlimen walaupun tidak mendapat persetujuan Majlis Raja-raja kerana kerajaan yakin ia tidak memerlukan perkenan majlis itu.

"Sekarang Majlis Raja-raja sudah bersetuju, lebih baiklah. Sudah terang lagi bersuluh," katanya dengan senyuman yang jelas membayangkan kepuasan. kerana rang undang-undang itu diluluskan dengan majoriti yang sangat besar termasuk sokongan DAP, PBS dan anggota Bebas. -- Lagi.

▼09/03/19-31MST

CNS4582

U GB 09-03 00147 BB512

BAH

Pindaan - Reaksi 3 Kuala Lumpur

Naib Yang Dipertua PAS, Haji Hadi Awang (PAS-Mar'ang) berkata, semua anggota PAS mengambil keputusan tidak mengundi kerana menganggap tindakan mesyuarat itu tidak memenuhi hasrat dan prinsip demokrasi.

Beliau memberi contoh Mahkamah Khas umpamanya yang dikatakan terdiri daripada dua golongan hakim dan khuatir keadilan tidak tercapai dengan adanya dua golongan itu.

"Jika ada dua golongan hakim, tentu susah untuk mencapai keadilan, katanya.

Menurutnya, beliau juga merasakan tidak patut Peguam Negara diberi kuasa begitu luas sedang orang yang teraniaya tidak diberi peluang untuk membuat tuduhan.

Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang pula berkata, sesiapa sahaja termasuk raja tidak terlepas daripada undang-undang.

"Tiada siapa yang boleh buat kelakuan salah sama ada jenayah atau sivil dan pindaan yang dibuat itu merupakan satu langkah baik menunjukkan negara ini mengamalkan demokrasi," katanya. -- Lagi.

▼09/03/20-59MST

CNS4583

U GB 09-03 00085 BB513

BAH

Pindaan - Reaksi 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail juga berpuas hati terhadap perjalanan lancar persidangan khas selama dua hari itu.

"Sungguhpun kadang-kadang perbincangan itu bising dan hangat tetapi ada masa-masanya riang dan kita dapat meluluskan rang undang-undang ini dalam masa yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, kelulusan rang undang-undang itu akan dapat mententeramkan negara.

"Kita patut bangga kerana amalan demokrasi berparlimen di negara ini berjalan baik," katanya. -- Bernama.

▼09/03/20-59MST